



PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC)



TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN
PERTAHANAN (MINDEF) DAN LEMBAGA
TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)
BAGI SYOR – SYOR PENYATA PAC
PARLIMEN BERHUBUNG LEMBAGA
TABUNG ANGKATAN TENTERA
(DR. 41 TAHUN 2024)



DR.7 TAHUN 2025





**AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KE 15**

1. YB Datuk Wira Mas Ermeyati Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat

**WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC
(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)**

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
2. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Kementerian Ekonomi
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

KANDUNGAN

MUKA SURAT 2

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 2 - 4

LATAR BELAKANG


MUKA SURAT 5 - 8

**TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL BAGI
SYOR-SYOR PAC PARLIMEN**

MUKA SURAT 8

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)



**PENYATA TINDAKAN SUSULAN
BERHUBUNG LEMBAGA TABUNG
ANGKATAN TENTERA (LTAT) DI
BAWAH KEMENTERIAN
PERTAHANAN (MINDEF)**





**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN
LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA**

BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN

BERHUBUNG

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (DR.41/2024)

1. PENDAHULUAN

Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan pengauditan terhadap 476 penyata kewangan Tahun 2022 agensi, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis Agama Islam (MAI) dan pihak yang berkaitan yang diperuntukkan di bawah Akta 62. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF) turut telah diaudit dan telah menjadi salah satu fokus utama audit yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022.

LKAN Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022 telah dibentangkan pada 6 Mac 2024 dan antara isu utama yang telah dibangkitkan adalah seperti berikut:

- i. LTAT tidak membuat penjejasan nilai terhadap pelaburan dalam Boustead Holdings Berhad (BHB) dan Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga);
- ii. rizab LTAT berbaki negatif sejak tahun 2020 dan masih terdapat 41 protfolio saham lama yang belum diambil tindakan yang menyumbang kepada rizab berbaki negatif;

- iii. keuntungan bukan tunai telah digunakan oleh LTAT sebagai asas untuk pembayaran dividen tahun 2022; dan
- iv. JAN mendapati penjejasan nilai yang tidak dibuat dan pembayaran dividen kepada pencarum berasaskan keuntungan bukan tunai boleh menyebabkan LTAT menghadapi risiko kecairan tunai pada masa hadapan.

Atas sebab itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membincangkan isu ini melalui Prosiding Bil. 4/2024 dan Prosiding Bil.4(a)/2024 pada 20 Jun 2024 serta Prosiding Bil.4(b)/2024 dan Prosiding Bil.4(c)/2024 pada 7 Ogos 2024 yang bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berhubung penyata kewangan LTAT tahun 2022 yang telah dibangkitkan di dalam LKAN Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022. Selain itu, pencapaian objektif penubuhan syarikat, pematuhan terhadap undang-undang, perjanjian dan peraturan yang berkuat kuasa turut diteliti.

Lanjutan itu, Laporan PAC Parlimen berhubung LTAT (DR.41/2024) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 19 November 2024.

2. LATAR BELAKANG

PAC Parlimen telah membentangkan Laporan PAC Parlimen (DR.41/2024) bertajuk Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF) pada 19 November 2024.

Dalam laporan berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan empat (4) syor yang perlu diambil tindakan oleh KPM, JKR Malaysia, JKR Sarawak dan JKR Sabah iaitu:

- i. LTAT seharusnya membuat pembayaran dividen berlandaskan kepada keuntungan sebenar (*realised gain*) dan tidak menggunakan keuntungan bukan tunai seperti yang dilakukan pada tahun 2021 dan 2022;
- ii. LTAT seharusnya meningkatkan usaha untuk mempelbagaikan komposisi portfolio pelaburan serta tidak bergantung pada satu entiti sahaja bagi mengurangkan risiko pendedahan supaya dapat memberi dividen yang tinggi dan konsisten kepada pencarum; dan

- iii. MINDEF dan LTAT perlu membentangkan kepada PAC status terkini perancangan LTAT berhubung pegangan portfolio saham, penstrukturan semula Kumpulan Boustead dan Hala Tuju LTAT sebelum akhir tahun 2024.

Berdasarkan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023), tindakan susulan perlu diambil oleh MINDEF dan LTAT selepas Laporan PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.

MINDEF dan LTAT melalui MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim terhadap Syor-syor Laporan PAC berhubung LTAT kepada PAC pada 9 Disember 2024. Seterusnya, MINDEF dan LTAT melalui MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Muktamad Pegawai Pengawal terhadap Syor-syor Laporan PAC tersebut pada 20 Januari 2025.


Berikutan itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung LTAT di bawah MINDEF pada 22 Januari 2025 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:

- i. Peraturan Mesyuarat (PM) 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
- ii. Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023); dan
- iii. Seksyen 5 (3) (d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.

Dalam memastikan syor-syor PAC dipatuhi, satu Lawatan Verifikasi telah diadakan pada 12 Disember 2024 bagi melihat perkembangan terkini bagi tindakan-tindakan yang telah diambil oleh MINDEF dan LTAT terhadap syor-syor Jawatankuasa ini dalam Laporan PAC berhubung LTAT.

Berikut adalah kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil MINDEF dan LTAT terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen berhubung LTAT (DR.41/2024) seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	19 November 2024/ 10.00 pagi	Pembentangan Laporan PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	9 Disember 2024	Laporan Tindakan Susulan Interim – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF) (DR.41/2024) telah dikemukakan oleh MOF.
3.	16 Disember 2024	Lawatan Verifikasi terhadap Tindakan Susulan yang diambil MINDEF dan LTAT di Tapak Tanah Balau, Semenyih.
4.	20 Januari 2025	Laporan Tindakan Susulan Muktamad – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF) (DR.41/2024) telah dikemukakan oleh MOF.
5.	22 Januari 2025	<p>Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen (DR.41/2024)</p> <p>Saksi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) <ul style="list-style-type: none"> - YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) ii. Kementerian Pertahanan (MINDEF) <ul style="list-style-type: none"> - YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha iii. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) <ul style="list-style-type: none"> - YBrs. En. Mohammad Ashraf bin Md. Radzi, Ketua Eksekutif



**TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC
(DR.41/2024)**



3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 41/2024)

3.1.Syor 1: LTAT seharusnya membuat pembayaran dividen berlandaskan kepada keuntungan sebenar (*realised gain*) dan tidak menggunakan keuntungan bukan tunai seperti yang dilakukan pada tahun 2021 dan 2022.

Maklum Balas LTAT:

- 3.1.1. Pengisytiharan dividen dibuat berdasarkan Polisi Dividen dan Panduan Rizab yang telah dirumus dengan teliti serta diluluskan oleh Lembaga pada 28 Februari 2023.
- 3.1.2. Polisi ini dirangka dengan mengambil kira kemampuan LTAT untuk memenuhi komitmen aliran tunai keluar bagi tempoh 12 bulan akan datang, kecukupan aset mudah cair, dan memastikan nisbah kesolvenan LTAT kekal berada pada tahap yang sihat setelah pengisytiharan dividen dilaksanakan.
- 3.1.3. Polisi di atas adalah selaras dengan amalan tadbir urus institusi kewangan yang lain seperti KWSP.
- 3.1.4. Pematuhan LTAT terhadap syor ini juga turut dizahirkan melalui pengisytiharan dividen pada tahun 2023 yang telah mendapat pendapat tanpa teguran (*unqualified opinion*) bagi laporan audit tahun 2023.
- 3.1.5. Selain itu, LTAT akan terus melakukan semakan berkala bagi memastikan kemampunan dana terus terpelihara. Selaras dengan semakan ke atas rangka kerja Perumpukan Aset Strategik (*Strategic Asset Allocation, SAA*), antara penambahbaikan yang turut diperkenalkan di bawah rangka kerja ini adalah had minimum dan maksimum bagi Keuntungan Tertahan (*Retained Earnings*) LTAT dalam memastikan kelestarian jangka panjang untuk pengisytiharan dividen tahunan LTAT selain memastikan tahap kesolvenan

dan jumlah rizab terkumpul LTAT sentiasa dalam kedudukan yang sihat dan memuaskan.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum terhadap inisiatif penambahbaikan yang telah diambil pihak LTAT. PAC menegaskan lagi LTAT untuk terus menambahbaik rangka kerja Perumpukan Aset Strategik supaya LTAT dapat membayar dividen secara konsisten di samping memastikan kelestarian tabung ini.

3.2.Syor 2: LTAT seharusnya meningkatkan usaha untuk mempelbagaikan komposisi portfolio pelaburan serta tidak bergantung kepada satu entiti sahaja bagi mengurangkan risiko pendedahan supaya dapat memberi dividen yang tinggi dan konsisten kepada pencarum.

Maklum Balas KPM:

- 3.2.1. Portfolio pelaburan LTAT dipacu oleh Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (SAA) yang telah pertama kali diperkenalkan pada bulan November 2020.
- 3.2.2. SAA dirangka dengan teliti bagi memastikan keupayaan LTAT untuk mengisytiharkan dividen tahunan yang mampan pada kadar 5% kepada pencarum LTAT.
- 3.2.3. Semenjak pelaksanaannya, LTAT telah berjaya mencatatkan peningkatan yang konsisten terhadap semua indikator utama prestasi kewangan seperti Keuntungan Bersih, Keuntungan Tertahan dan kadar dividen tahunan.
- 3.2.4. Bagi memastikan kerangka ini kekal relevan dalam menghadapi cabaran ekonomi, LTAT kini sedang menilai semula Rangka Kerja SAA sedia ada dengan memberi tumpuan kepada pengurusan risiko melalui kepelbagaian pelaburan merentas kelas aset, selaras dengan saranan oleh pihak PAC.

3.2.5. Semakan Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (SAA) 2025-2029 telah diluluskan oleh Lembaga LTAT pada 28 November 2024.

3.2.6. Rangka Kerja baharu ini sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Menteri Pertahanan dan seterusnya Menteri Kewangan.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum usaha LTAT untuk membuat semakan terhadap Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (SAA) 2025 – 2029. Namun, usaha untuk mempelbagaikan komposisi portfolio pelaburan harus diteruskan memandangkan sebahagian besar portfolio pelaburan LTAT masih lagi tertumpu di dalam Kumpulan Boustead.

3.3. Syor 3: MINDEF dan LTAT perlu membentangkan kepada PAC status terkini perancangan LTAT berhubung pegangan portfolio saham, penstrukturan semula Kumpulan Boustead dan Hala Tuju LTAT sebelum akhir tahun 2024.

Maklum Balas KPM:

3.3.1. LTAT telah pun memaklumkan Pelan Pengstrukturan Kumpulan Boustead ("*Project Earth*") kepada Kabinet melalui Nota Jemaah Menteri pada 13 Disember 2024. *Project Earth* juga telah diluluskan oleh Lembaga pada 9 Ogos 2024 dan telah dibentangkan kepada Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan II, dan Pengarah Kanan Ekonomi dan Kewangan, Pejabat Perdana Menteri.

3.3.2. Intipati pelan baharu ini akan dikemukakan kepada pihak PAC, JAN dan semua pihak berkepentingan yang relevan dalam masa yang terdekat. Bagi memastikan keberkesanan pelan strategik ini, butiran terperinci perlu dirahsiakan kerana ia mengandungi maklumat sensitif pasaran. Walau bagaimanapun, matlamat keseluruhan dan hasil strategik akan dikongsikan kepada pihak yang berkenaan.

3.3.3. LTAT mengambil maklum berkenaan syor-syor yang telah dikeluarkan oleh pihak PAC dan bersedia untuk memberi kerjasama demi memastikan bahawa pelan terkini LTAT berkenaan hala tuju, portfolio saham dan juga penstrukturan semula Boustead adalah telus dan mampan.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum terhadap status Pelan Pengstrukturan Kumpulan Boustead ("*Project Earth*") yang telah dimaklumkan kepada Kabinet dan dibentangkan kepada Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan II, dan Pengarah Kanan Ekonomi dan Kewangan, Pejabat Perdana Menteri.

Sehingga tarikh penyata ini dibentang, PAC masih belum menerima pelan penstrukturan berkaitan.

4. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Penyata PAC Parlimen DR. 41/2024 selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PADA
RABU, 22 JANUARI 2025**



SULIT



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 22 Januari 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:

**Tindakan Susulan Lembaga Tabung
Angkatan Tentera (LTAT)**

- (i) Kementerian Kewangan (MoF)**
YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad
Timbalan Ketua Setiausaha
Perbendaharaan (Pelaburan)
- (ii) Kementerian Pertahanan (MINDEF)**
YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali
Ketua Setiausaha
- (iii) Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)**
Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi
Ketua Eksekutif

**PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

SULIT

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 22 JANUARI 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

Tidak Hadir (*Dengan Maaf*)

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Amiruddin bin Abdul Karim [Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

HADIR BERSAMA (*samb/-*)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Puan Norsyahida binti Alias [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

P/TPj Mohd Anuar bin Ismail [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Siasatan)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

Puan Punithavathy Jotey [Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Kewangan)]

Encik Mohd Sharizal bin Sarul Zaman [Ketua Penolong Pengarah (Sektor Audit Kewangan)]

Kementerian Ekonomi (KE)

Encik Kamil bin Muhammad [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)

Encik Hafizal bin Ahmad [Timbalan Pengarah (BPOPA)]

SAKSI

Kementerian Kewangan (MoF)

YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)]

Kementerian Pertahanan (MINDEF)

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Ketua Setiausaha]

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [Ketua Eksekutif]

Encik Haizad Rizal bin A Aziz [Ketua Pegawai Kewangan]

Encik Ahmad Farouk bin Mohamed [Ketua Pegawai Pelaburan]

Puan Jasmaliha Jaafar [Pengarah, Ketua Jabatan Perancangan Strategik]

Encik Mohammad Izzat Abdul Aziz Alhadjri [Pengarah, Ketua Jabatan Komunikasi Strategik]

Encik Mohd Firdaus bin Zulkifli [Naib Presiden, Ketua Jabatan Pengurusan Aset Strategik]

Encik Mohd Hisyam Abdullah [Penolong Naib Presiden, Jabatan Komunikasi Strategik]

SULIT

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA**

**BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

RABU, 22 JANUARI 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.30 pagi

*[Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim
mempengerusikan Mesyuarat]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Selamat pagi, salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas... *[Memohon bantuan sekretariat] [Paparan slaid di skrin komputer riba tidak terpapar]* Minta maaf, tadi slaid semua padam. Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas dan ahli-ahli ex officio PAC Parlimen terdiri dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi serta Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam Mesyuarat hari ini. Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, prosiding tindakan susulan pada hari ini adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) terhadap syor-syor PAC dalam Laporan Lembaga Tabung Angkatan Tentera DR.41/2024 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 19 November 2024.

Dalam laporan tersebut, PAC telah memberikan lapan rumusan hasil daripada prosiding yang diadakan pada 20 Jun 2024 dan 7 Ogos 2024. Berdasarkan rumusan-rumusan berkenaan, PAC Parlimen telah mengesyorkan tiga perkara untuk dilaksanakan MINDEF dan LTAT sebagai langkah penambahbaikan. Isu berkaitan LTAT ini dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022 dan PAC memanggil prosiding untuk isu ini berdasarkan punca kuasa Peraturan Mesyuarat 77(1)(c) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304(b) 2023, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) hendaklah melaporkan semula kepada PAC perkara-perkara yang telah dirujuk jawatankuasa ini terhadap pegawai pengawal seperti yang dinyatakan dalam laporan Jawatankuasa ini. Sehubungan dengan itu, hadir di hadapan PAC pada hari ini adalah Yang Berbahagia Datuk Dr. Shahrazat binti Haji

Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (TKSP) (Pelaburan) Kementerian Kewangan yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan juga Yang Berbahagia Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha (KSU) MINDEF dan Yang Berusaha Encik Mohammad Ashraf Md Radzi, Ketua Eksekutif LTAT. Terima kasih kepada semua kerana sudi hadir ke prosiding tindakan susulan pada hari ini. Jadi tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad untuk memulakan pembentangan. Silakan Datuk.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan (MoF)]:

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Pengerusi Puan Teresa, kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat, ex officio, wakil-wakil daripada Kementerian Pertahanan dan juga Kementerian Kewangan. Bersama-sama saya pada pagi ini adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Lokman dan juga Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Encik Ashraf yang akan sama-sama memberi maklum balas berkaitan perkara-perkara yang terkandung di dalam laporan susulan. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Pengerusi tadi, di bawah seksyen— di bawah Arahan Perbendaharaan pindaan 2023 iaitu 304(b) yang mana Ketua Setiausaha Perbendaharaan melalui pegawai pengawal perlu mengemukakan laporan kepada pihak urus setia, yang mana laporan itu telah selamat kami kemukakan pada 20 Januari yang lepas.

Untuk itu, pada pagi ini bersama-sama saya sebagaimana yang saya sebutkan tadi, akan kami memperjelaskan berkaitan dengan pengesyoran yang telah dibuat dan juga apa tindakan yang telah dilaksanakan bagi pihak MoF. Kami memantau rapi akan tindakan yang dilaksanakan oleh pihak LTAT dan berpandangan bahawa tindakan sedang dalam perhatian dan dilaksanakan mengikut kemajuan ataupun perancangan yang ditetapkan. Untuk itu, tanpa membuang masa, saya serahkan kepada KSU untuk memulakan pembentangan.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertahanan (MINDEF)]:

Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum dan selamat pagi. Yang saya muliakan, Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) dan juga Pengerusi bagi prosiding pada pagi ini. Yang saya juga muliakan, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC dan juga ex officio dan juga rakan-rakan daripada kementerian, Yang Berbahagia Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, TKSP bagi Pelaburan di MoF; Yang Berusaha Encik Mohammad Ashraf Md Radzi, Ketua Eksekutif LTAT.

Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Pengerusi serta Ahli Jawatankuasa PAC, memberikan kepercayaan dan sokongan kepada saya untuk turut serta hadir dalam prosiding ini. Di kesempatan ini, untuk berkongsi juga maklum balas dan penjelasan mengenai isu yang dibangkitkan. Sebelum saya menyerahkan kepada Encik Ashraf untuk memperjelaskan secara terperinci, secara ringkasnya jika dilihat pada masa ini prestasi LTAT daripada aspek penambahbaikan pengurusan kewangan, organisasi serta yang pentingnya, berkaitan dengan urus tadbir dan tata kelola telah menampakkan keberkesanan dan kemajuan yang sangat memberangsangkan.

Kedudukan kewangan dan kemampuan dana kini lebih positif dan ini terbukti melalui kedudukan rizab dan pembayaran dividen yang lebih baik berbanding dengan tahun 2019 dengan 2021. Ini juga memberi pulangan yang lebih tinggi kepada penyimpan-penyimpan khususnya warga ATM ataupun pesara-pesara daripada ATM. Kementerian juga telah di maklumkan mengenai inisiatif SAA yang dapat mempelbagaikan pulangan dana pelaburan LTAT dan ini seperti juga telah dicadangkan oleh PAC bagi mengoptimumkan manfaat prestasi pasaran semasa yang dapat menyumbang kepada pengukuhan indikator prestasi kewangan LTAT.

Ini merupakan testimoni usaha untuk mengukuhkan LTAT dan memastikan portfolio pelaburan ataupun ekuiti yang terus menguntungkan pemegang-pemegang taruh di bawah LTAT.

■1040

MINDEF sebagai kementerian pengawal sentiasa berbincang dan memantau LTAT khususnya cadangan dan nasihat-nasihat ahli-ahli PAC sama ada susulan dari penemuan audit atau pun yang dibangkitkan dalam sesi-sesi PAC sebelum ini untuk disusuli dan diambilkan tindakan dengan segera.

Seterusnya, yang penting adalah kita memastikan bahawa tatakelola dan urus tadbir yang *robust* atau pun menyeluruh melalui pelbagai inisiatif khususnya penambahbaikan akta, peraturan, proses dan melantik ahli-ahli lembaga pengarah yang berpengalaman khususnya dalam sektor pelaburan ekuiti atau pun kewangan.

Saya boleh secara peribadinya Yang Berhormat Pengerusi, melihat bahawa ahli-ahli lembaga pengarah yang hadir ada pada hari ini di LTAT dan saya salah seorang daripadanya telah memastikan bahawa setiap perbincangan yang diadakan di peringkat lembaga pengarah atau pun di peringkat jawatankuasa-jawatankuasa kecil di bawah ahli lembaga pengarah adalah lebih terperinci, *robust and I think the*

discussion has been very meticulous khususnya berkenaan dengan isu-isu perolehan dan juga isu-isu mengenai dengan pelaburan *you know*.

Saya rasa mereka yang dilantik hari ini mempunyai pengalaman yang sangat luas khususnya Datuk Seri Iskandar yang telah menerajui beberapa entiti-entiti kerajaan yang utama dan juga Encik Zubir Ansori juga daripada institusi pelaburan kewangan. Maka, saya rasa kebanyakan daripada sesi yang telah kita laksanakan, *akin on board*-lah Yang Berhormat Pengerusi, menampakkan perbincangan berkaitan dengan tatakelola kewangan dan pengurusan kewangan yang sangat mendalam.

On that note, saya mohon izin Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Pengerusi untuk menyerahkan seterusnya kepada Ketua Eksekutif LTAT bagi menyampaikan tindakan-tindakan susulan ke atas syor-syor PAC dengan lebih terperinci. Dipersilakan. Mohon izin Yang Berhormat Pengerusi.

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi saya ucapkan. Salam Malaysia Madani. Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC, sebagai Pengerusi mesyuarat dan ahli-ahli PAC serta *ex officio* yang turut hadir. Yang Berbahagia Datuk Dr. Shahrazat dan Datuk Lokman yang juga merupakan sebahagian daripada Ahli Lembaga LTAT.

Pertama sekali, terima kasih atas jemputan dan peluang untuk membuat pembentangan laporan tindakan susulan muktamad kepada PAC. Kita mulakan dengan syor pertama. Syor PAC yang pertama iaitu LTAT seharusnya membuat pembayaran dividen berlandaskan kepada keuntungan sebenar *realized gain* dan tidak menggunakan keuntungan bukan tunai seperti yang dilakukan pada tahun 2021 dan 2022.

Jadi, maklum balas kami ialah LTAT telah pun mengambil tindakan susulan terhadap syor audit yang dinyatakan dalam Laporan KAN 2022. *Immediately when we did the dividend* untuk 2023 iaitu sekitar bulan April diumumkan. Tetapi sebelum itu, kelulusan di peringkat lembaga pada bulan Februari, kemudian kelulusan di peringkat Kementerian Pertahanan dan juga Kementerian Kewangan pada bulan Mac 2024.

Kita telah pun tidak mengambil sebarang keuntungan bukan tunai dan untuk 2023, keuntungan yang sebahagian besarnya terdiri daripada hasil pendapatan dividen daripada aktiviti pelaburan LTAT. Pada masa itu juga, sebagai memberikan *comfort in terms of our governance*, LTAT telah pun memperkenalkan polisi dividen

dan panduan rizab sebagai langkah untuk memastikan pengisytiharan dividen dilaksanakan dengan mematuhi tatakelola yang baik *as well as to observe financial prudence*.

To share or to brief PAC in terms of the policy that we have introduced, polisi ini telah diluluskan oleh Lembaga LTAT pada bulan Februari 2023. Ia dirumus untuk memastikan LTAT dapat memenuhi komitmen aliran tunai keluar terutamanya dalam tempoh 12 bulan ke hadapan bagi menjamin kecukupan aset mudah cair, *because since we are a retirement fund, our dividend declaration is not dividend payment in cash. So, it is translated into cash commitment through withdrawal apart from other operating liabilities* dan sebagainya.

Jadi, semasa merangka polisi ini, kita telah *benchmark* dari segi amalan tadbir urus institusi kewangan yang lain terutamanya *our fellow GLIC's* contohnya seperti KWSP. Jadi, pematuhan LTAT terhadap syor ini juga turut dizahirkan melalui pengisytiharan dividen pada tahun 2023 dan telah mendapat pendapat tanpa teguran atau pun *unqualified opinion* dari Jabatan Audit Negara bagi laporan audit 2023.

Our annual report for 2023 has also been approved in Parliament and gazetted in the month of December 2024. Jadi, LTAT akan teruskan melakukan semakan berkala bagi memastikan kemampunan dana terus terpelihara dan juga terutamanya dari segi *the management of our portfolio*. Kita telah pun membuat semakan terhadap Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik iaitu SAA yang baharu *in the month of November 2023* di mana kita telah memperkenalkan had minimum dan maksimum dari segi *our target band for* keuntungan tertahan bagi memastikan kelestarian dividen tahunan tahap kesolvenan serta rizab LTAT kekal sihat.

So, in terms of sharing the criteria that are in-play in terms of making dividend consideration. Kita mengambil pendekatan holistik di mana kita melihat kepada *multiple angles*. Antaranya menilai keuntungan bersih untuk tahun tersebut. *Naturally this is the main source of any dividend consideration in terms of what is realized as a net profit for the year*.

Keduanya, menilai keuntungan tertahan. *In the end, any dividend will flow out from Retained Earnings. So, when it comes to what flows into Retained Earnings, it is not just what is realized through the income statement*. Tetapi, ada juga keuntungan yang masuk melalui *realization of an asset* yang berada dalam klasifikasi OCI. Kita ada juga *based on dividend withdrawals of contribution*. Akan ada juga *adjustment to the contribution accounts* di mana untuk askar yang telah berpencen,

dia tidak lagi mendapat hak ke atas caruman yang diberi oleh kerajaan. *So, there are accrued dividend in contributions account that flows back into Retain Earnings.*

Ketiga, kita melihat dari segi nisbah kesolvenan buku. *Our books solvency. This is to ensure that anytime our solvency remain at the minimum of 100 percent.* Kita melihat juga kedudukan aset bersih cair. *This is always the main indicator on our liquidity because sometimes we do not want to keep too much cash on our books because cash doesn't earn that well. But at the same – at any time, kita ada aset berbentuk listed shares dan juga tradeable fixed income that can be liquidated in a very short time if that is any liquidity needs.*

Nombor lima, kita menilai pembayaran yang membabitkan pengeluaran oleh pencarum. *So, at any time kita punya pencarum adalah berdasarkan the number of servicemen both pegawai dan juga LLP. Tiap-tiap tahun, dari segi dasar staffing yang diamalkan oleh Angkatan Tentera Malaysia lebih kurang neutral.*

The number of armed forces that exit the service digantikan dengan almost the same number of new servicemen. What that translates itu ialah at any time, we are almost on a neutral basis dari segi caruman yang masuk dibandingkan dengan caruman yang keluar.

■1050

But at any time, we always try and maintain a minimum buffer to ensure that jikalau ada some spiking pada bulan-bulan tertentu di mana pengeluaran melebihi caruman masuk, we are always in a position to be able to fulfill the cash requirement for withdrawals.

Then, terakhir sekali, of course as an operating entity, we have operational liabilities. So, kita menilai obligasi kewangan yang lain, yang kita perlu selesaikan dalam 12 bulan ke hadapan.

So, izinkan saya masuk ke syor yang kedua jika tiada soalan tentang syor yang pertama.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, boleh saya buat satu pertanyaan sahaja? Berkenaan dengan nilai nisbah *solvency* buku, untuk 2023, agaknya berapa peratus? dan dari segi amalan-amalan sebelum itu, apa rekod-rekod dari segi nilai nisbah ini?

Adakah it go below 100 percent and kalau it go below 100 percent, how much below 100 percent yang sebelum-sebelum inilah? Bagi 2023 itu, berapa exactly the percentage? Terima kasih.

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: *Okay, thank you YB. As a matter of financial prudence, it is always good to keep solvency book value above 100 percent. When it comes to market value of course for any retirement fund yang ada traded assets, there is always volatility in terms of valuation whenever market forces has an impact on share price, listed share price as well as valuation of fixed income. Valuation of fixed income instruments ini, bon dan sukuk, dia susceptible pada perubahan dari segi OPR rate dan sebagainya.*

Jadi, untuk 2023, dari segi *solvency book value*, kita telah tutup pada 103.8 peratus, dari segi *book value*. Dari segi *fair value* atau *market value* pula *is actually a little bit higher, at 108.2 percent. But historically, yes, there have been occasions, whereby the solvency has dipped below 100 percent. In 2016, we closed the book value at 99.7 and in 2020, we closed it at 98.1.*

Why has this happened? It's that when we close the books a bit later in the year, sometimes when we look at fresh data with regards to our investments, ada kadang-kadang maklumat-maklumat yang terkini, yang memerlukan kita mengambil keputusan untuk meletakkan some elements of provisioning ataupun impairments that will bring down the book value below 100 percent.

But I think for any retirement fund or investment fund, as long as that solvency is capped above 95 percent, the ongoing investment activities throughout the year will always provide an avenue to bring it back up above 100 percent. So, it still within that comfortable level. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, sila.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Timbalan Pengerusi, terima kasih. Saya nak bertanya berkenaan dengan pengisytiharan dividen. Sebahagian besar daripada pendapatan dan sudah tentu, ada lagi sebahagian kecil yang bukan daripada pendapatan.

Jadi, yang sebahagian kecil itu, daripada mana ia diperoleh dan adakah LTAT menetapkan dalam polisi dividen itu ada *threshold*-nya berapa, berapa *percent* yang boleh diambil, yang bukan daripada pendapatan urus niaga? Terima kasih.

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: Okey. So, terima kasih YB untuk soalan tersebut. *Generally, we will always look at— primary source* ialah daripada *income statement*. So, yang aset or keuntungan yang direalisasikan, ada juga yang datang di luar *income statement*.

So, as I mentioned earlier, ada beberapa kelas aset yang diklasifikasikan sebagai OCI asset, yang mana the valuation will move up and down throughout the

year, month on month based on market value but the valuation movements and the disposal recognition doesn't flow through the income statement. Dia akan go from balance sheet OCI reserve terus kepada Retain Earnings.

So, dalam polisi, kita tak menetapkan what is the component. Kita meletakkan all those above yang saya explain tadi is the consideration. Yang mana yang penting, in the end ialah there is in terms of internal practice, we always try to ensure that year on year post-dividend, the combined reserves will not recede ataupun berkurang. Because the idea of the transformation goal since 2019, it is to strengthen the balance sheet.

So, what we been trying to do and what we have been able to achieve ialah each year, the closing combined reserves post-dividend is growing. Even untuk 2024 pun insya-Allah, when we go through the dividend approval process bulan depan dengan the Investment Panel and the Board, we will keep to this consistent approach to strengthen the balance sheet and the portfolio. Terima kasih.

Okey. Kita masuk ke syor yang kedua. So, syor yang kedua adalah LTAT seharusnya meningkatkan usaha untuk mempelbagaikan komposisi portfolio pelaburan serta tidak bergantung kepada satu entiti sahaja bagi mengurangkan risiko pendedahan supaya dapat memberi dividen yang tinggi dan konsisten kepada pencarum.

Jadi, keperluan untuk mempelbagaikan komposisi portfolio pelaburan dan mengimbangi risiko terutamanya, telah menjadi asas utama dalam Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik yang telah dilaksanakan pada penghujung tahun 2020. *Prior to this point, unlike all the other retirement funds, we did not operate or have an SAA in the organization.*

Jadi, hasil pelaksanaan SAA, LTAT telah mencatatkan peningkatan pelaburan, terutamanya dalam aset berpendapatan tetap. *Fixed income instruments, bon dan sukuk is actually the bread and butter of any retirement fund but when we started the transaction process, there were zero tradable fixed income.* Yang ada hanyalah sukuk yang di-issue oleh Boustead Holdings dan juga *one of our own investee companies, Irat.*

So, we started from scratch. From zero, we build up the book, I think currently is slightly above RM2 billions, if I'm not mistaken. So, this has given a baseline income and strength of balance sheet to us.

So, di samping peningkatan *fixed income*, kita telah juga mengurangkan pendedahan terhadap aset hartanah dan juga ekuiti persendirian. *All of these are in-*

line with the goals that have been set out in the SAA. Untuk masa kini, kita juga telah memperkukuh SAA tersebut with the revision that has been approved by the Board back in November.

The goal there, I think the main difference ialah we have put in the target untuk mengurangkan aset strategik from the current level to a goal of about 35 percent, but it will take time. It will take roughly about three to five years, based on I think suitable market conditions and suitable parties to transact with dan sebagainya.

So, these will lead towards keupayaan untuk mengisytihar dividen yang mampan kepada pencarum dengan konsisten. So, maybe I'll share a little bit further dari segi rangka kerja perumpukan aset strategik tersebut.

Jadi, as mentioned earlier, first time back in November 2020. Actually ada ralat sedikit, if I may make the correction here. Semasa the first SAA was established, it was not set up to target a five percent dividend. The goal of the SAA is on the back of achieving a dividend rate of 1.25 percent above the cash income.

So, at that time, based on November 2020, that definition translated into a goal of about 4.2 percent. Jadi, semasa kita membuat semakan pada bulan November 2024, sekarang ini kita menunggu keputusan approval daripada Menteri Pertahanan. Once Menteri Pertahanan approve, then kita akan angkat pula kepada Menteri Kewangan.

■1100

This is the governance enshrined in our akta whereby any changes to the SAA will require both ministry pengawal dan juga MOF punya approval.

So, sejak pelaksanaan back in 2020, indicator kewangan kita telah menunjukkan peningkatan yang konsisten year-on-year and this has been the goal of our transformation plan to achieve incremental improvements in a sustainable way year-on-year.

So, insya-Allah, what we can publish here today is audited numbers until 2023. But with the closure of 2024 and the audit that is already started to be conducted, we will see a continuation of improvements in terms of our financial indicators.

So, dari segi timeline, as mentioned earlier at the moment, the approval of this SAA alone has gone through a very robust process. In terms of the advisory portion, kita mengambil Mercer which is a worldwide specialist when it comes to SAA advisory and almost all of the large investment funds and retirement funds, not just

in Malaysia but all over the world take advice from Mercer in terms of arriving at what is the suitable SAA to operate on.

So, SAA ini yang utama sekali a part from dia meletakkan pembahagian asset cluster yang suitable. Based on our intended dividend target, ia juga memberi penilaian terhadap what is the best risk management profile that is present within all the different asset clusters dan juga mengambil consideration of geography. Ada komponen yang domestik dan ada juga komponen yang international. So, that's why once our Board has approved, the approval will go ultimately towards MOF that will provide the guidance and insight.

So, if there are any questions on syor yang kedua ini?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Boleh tak dapat sedikit gambaran SAA inikan? Kalau tengok sini keuntungan bersih meningkat. Keuntungan tertahan pun meningkat. Kedudukan rizab meningkat. Kadar dividen lebih kurang samalah. Samakan dengan 2023 dengan 2022.

Nak dapat gambaran. So, where are you targeting yang dikatakan yang stabil, less risk dan sebagainya for your pelaburan? It's what you nak submit kepada Menteri Pertahanan kan. So, I want to dapat ia punya gambaran sedikit. Where exactly are you heading untuk kelulusan? Terima kasih.

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: So, untuk menjawab soalan YB tersebut. Pertama sekali, *technically it's a zero-sum game whereby kita nak allocate in terms of portfolio.*

So, at the moment yang kita overshoot ialah dari segi strategic assets. So, that comes with the target to reduce. When we reduce, maknanya kita monetize and we reclaim our capital. We have to reinvest.

So, the reinvestment would be targeted mainly towards fixed income because fixed income ini ia bagi security in terms of valuation, better profile risk management dan sebagainya. Ia juga provide a baseline income. Baseline income ia tak tinggi tapi baseline income dia dependable and stable. So, that is the main target in terms of continue increasing the asset class proportion.

Then at the same time, we also want to increase our listed equities book. At the moment, portfolio LTAT hanya domestik. And it's a shame that we have not been able to get access to— for example the hot asset right now is US technology stocks. US Tech stocks is the— one of the largest contributors of income that has been enjoyed by the likes of EPF, KWAP, PNB because they have been— they've reached

maturity well before LTAT. They've been able to deploy investments to international equities market and they're able to enjoy good returns.

So, these are the things that we would also like to have access to so that we would be able to give good returns to our contributors and also managed the portfolio risk better when it comes to equities because equities always ada market risk consideration dari segi geografi.

When we have 100 percent of our equities only domestic, then it carries a higher risk profile compared to being allowed to deploy. Ia tak semestinya US market. Technically, there are also risk balancing opportunities if we deploy to regional equities or even the likes of Japan atau Europe. So, that would be the ask in terms of being allowed to deploy.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Jangan lupa Presiden US baharu punya new policies and all that. You have to take into account that kan and geopolitics punya condition.*

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: *Yes, valid. Correct. So, in fact, that is a good point. Everyone is I think on the watch in terms of the policies that will be introduced. Mungkinlah that is maybe what will guide us in terms of the decision making going forward.*

But if the indicator as per the stance that has been made during the inauguration speech that it would be a very much domestic-centric policy that will only serve to drive up the performance of US stocks. So, we will play by ear. We have the dry powder in terms of the amounts to be deployed. We will take suitable steps that ensure that risks are being managed.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Pengerusi, kalau boleh saya tanya. So, maksudnya daripada pembentangan, the strategic asset allocation ini telah dimulakan pada tahun 2020, okey. At that time, you said that yours is 1.5 percent, correction-kan daripada slaid ini or 2020 is five percent, is it?*

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: *Ya, the correction I meant earlier ialah when it was structured in November 2020. The dividend target is not five percent, it is actually 1.25 percent above cash return.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Above cash return.*

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: *So, it translates into roughly about 4.2 percent at that time.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *4.2 percent to be given as dividend.*

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: *Yes, correct.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *To your contributors lah?*

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: *Correct.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Okey. Then you revised a second SAA in 28th of November 2024. Betul ya?*

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: *Yes, right.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *That is for target five percent.*

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: *Yes. That's right.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *That's five percent lah?*

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: *Yes.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *So maksudnya the first SAA in 2020 consider tidak mencapai objektif. Betul? So you revised it to 2024. Betul?*

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: *Not quite true because SAA ini, it's never a static goal setting.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Okay.*

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: *Because it needs a revision every three years ideally because it is based on market performance and market conditions. So, what we layer in ialah what is our goal dividend, what is our operating model when it comes to OpEx. So it translates to— kalau kita nak achieve five percent dividend, we operate maybe one plus percent OpEx then our blended return needs to be somewhat at six plus percent. With those goals, we look at the whole universe of investments what is suitable within the asset classes, we will place various percentage targets dari segi composition.*

So, when we did 2020, we started from a very challenging position. At that time our reserves was effectively negative when we closed the year. At the same time our return earnings was very small. That was the transition or the first SAA that was engineered to ensure that there is immediate recovery.

■1110

So, now that we are four years down the road, we have some achievements already in place in terms of improvements to our profile, then it becomes a step up. So, we are stepping up from a 4.2 percent dividend target to a five percent dividend target and this requires further changes to the composition of the asset classes goals relative to what is achievable in the market. Because, one thing that has happened throughout 2024 ialah bila there are changes to monetary policy in terms of the OPR rates, that gives an impact to the yield of fixed income, for example. So, there needs to be a slight tweak in terms of allocation, how much should go to the fixed income

versus for example, listed equities. So, this is something that I think no one actually operates right on the dot dari segi the percentage target. It operates within a band. Usually, it's about five percent lower, five percent upper. So, this is always like an operating model that takes into account volatility of the market also.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *So soalan saya, kalau katakan— because, you have got a fixed target of five percent. So, let say there's a— when you want to— so, I think the pressure sometimes is that when you said the five percent target, the pencarum will be looking at you and then, you'll be having some pressure and then, you'll have to sell your equities just to make the five percent dividend payout lah. So, are you going to— how are you going to solve this situation where you have this pressure to pay the five percent if your return is not as good in the difficult years?*

Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi [LTAT]: *This five percent is an internal target. It's not a promise made to anyone. That should not be the operating model. I think why we used five percent as the benchmark target rate is because, we do not want to be too far off from the achievements over the past three years by our fellow retirement funds, for example especially EPF. I think, yes, we all wait to our contributors to provide a sustainable return and five percent is a reasonable target to have. But at any time, I think what is been declared will be driven by actual achievement.*

Like you mentioned, I think at any time, what to sell is always a commercial decision, because in the end, what we sell and the capital that we reclaim, will always be reinvestable. It doesn't mean that it is an outright, outflow. As I mentioned earlier, our dividend declared are not dividend cash payouts, it goes into the contributor's account. They only take the money out as and when they exit the service and this is a long-term cash outflow that is matched by the continuous contribution inflows each month.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Saya ada dua soalan. Saya cuba menghadam chart yang ada depan kita sekarang ini. The top two itu berkenaan dengan keuntungan bersih dengan keuntungan tertahan itu, what is the influencing factor? Contoh 2023, there's a big difference of about RM200 over million dekat situ kan? So, what is the factor that is effecting or influencing that huge beza between keuntungan bersih dan keuntungan tertahan? One, first question. Second question, berkenaan dengan kedudukan reserve itu. Now, we have maintain at five percent dividend itu 2022 and 2023. But 2023, there's a big jump in terms of kedudukan reserve itu, where does that the reserve comes from? I mean, we maintain at five*

percent tetapi *the reserve increase quite significant, RM200 over millions* dekat situ. So, *what is the influencing factor?* Terima kasih.

